

**MAS hina kakitangan tayang Tanda Putera sambut ulang tahun, kata DAP
Malaysian Insider
Oct 14 , 2013
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK**

DAP mengecam tayangan filem Tanda Putera sempena sambutan ulang tahun ke-41 Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) kerana menghina kakitangannya dengan menghadirkan filem penuh dengan penipuan yang bukan sahaja salah dari segi sejarah malah penuh dengan babak perkauman.

Setiausaha agungnya, Lim Guan Eng (gambar) mempersoalkan bentuk motivasi yang dapat dijadikan inspirasi oleh kakitangan MAS ekoran menonton filem yang tidak popular dan diragui.

"Adakah menonton Tanda Putera mampu merubah kerugian besar MAS selama ini? Pihak penerbitan Tanda Putera sendiri telah mengakui bahawa filem itu adalah satu pembohongan kononnya menggunakan lesen kreatif untuk membikin filem tempatan.

"Sebagai contoh, penerbit Tanda Putera telah mengakui kesilapan yang mereka lakukan apabila menuduh pemimpin veteran DAP Lim Kit Siang membuang air kecil pada tiang bendera dalam satu perkongsian Facebook tahun lalu tetapi kemudiannya telah memohon maaf.

"Tindakan MAS meraikan ulang tahun ke-41 dengan menayangkan Tanda Putera sebagai 'hadiah istimewa' kepada kakitangannya adalah satu tindakan penafian terhadap krisis kewangan yang begitu buruk, dengan hutang yang membukit dan simpanan tunai yang kian berkurangan," katanya dalam satu kenyataan media hari ini.

Lim mempersoalkan adakah MAS begitu terdesak untuk bergantung kepada penipuan Tanda Putera bagi mengelirukan orang awam dan diri mereka bahawa syarikat itu masih menjana keuntungan?

Katanya, rakyat tidak akan mudah tertipu dan boleh membandingkan prestasi buruk MAS berbanding AirAsia.

"Meskipun AirAsia tidak menerima dana awam, namun mereka begitu konsisten memperlihatkan prestasi cemerlang dengan tambang yang lebih murah dan kini lebih hebat daripada MAS dalam hal permodalan pasaran, pesawat dan harga saham.

"Rakyat berhak mempersoalkan RM19 bilion yang dibelanjakan kerajaan persekutuan sejak 1998 bagi memastikan MAS mampu membayar hutang termasuk menjamin pinjaman MAS berjumlah RM12.3 bilion.

"Tanda Putera dipenuhi kontroversi politik memandangkan ia dijadikan senjata ketakutan bagi membantu Barisan Nasional (BN) memenangi undi orang Melayu. Dengan menayangkan sebuah filem politik yang dipenuhi penipuan, MAS memberi isyarat bahawa ia sebenarnya telah kehilangan arah," katanya.

Lim menambah MAS tidak tahu bagaimana untuk mengurus pemulihan korporat supaya dapat menjana keuntungan, tetapi sebaliknya bergantung kepada penipuan dan mencampur adukkan politik dan perniagaan demi menyelamatkan dirinya dengan mendapatkan lebih

banyak bantuan kewangan daripada kerajaan persekutuan. – 14 Oktober, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mas-hina-kakitangan-tayang-tanda-put-era-sambut-ulang-tahun-kata-dap>